



**GARIS PANDUAN
KOORDINASI PENGURUSAN
PENGALIHAN UTILITI SESB BAGI
PROJEK-PROJEK DIBAWAH SELIAAN
JABATAN KERJA RAYA (JKR) SABAH**

**Cawangan Utiliti & Alam Sekitar
Jabatan Kerja Raya Sabah**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	Pendahuluan	2
2.0	Objektif	2
3.0	Peranan Cawangan Utiliti & Alam Sekitar	2
4.0	Peranan SOR/Jurutera Bahagian (JB)/ Jurutera Daerah (JD)	3
5.0	Peranan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	4
6.0	Perundangan Dan Dokumen Berkaitan Pengalihan Utiliti SESB	4
7.0	Status Permohonan Izinlalu	10
8.0	Prosedur Pendaftaran Projek Bagi Pemantauan Pengalihan Utiliti SESB	10
9.0	Lokasi Dan Susun Atur Aset Utiliti	11
10.0	Penutup	11
11.0	Rujukan	12

Lampiran A: Carta Alir Proses Pendaftaran Pengalihan Utiliti SESB

Lampiran B: Borang Pendaftaran Projek

Lampiran C: Typical Cross Section of Spacing & Arrangement of Utilities

1.0 Pendahuluan

Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung pada 4 Januari 2023 telah mengiktiraf JKR Sabah sebagai Jabatan Teknik Kerajaan untuk mengurus dan melaksanakan projek-projek pembangunan persekutuan. Pemberian kuasa ini adalah antara langkah-langkah penyelesaian yang dilaksanakan bagi memastikan peruntukan kepada Sabah dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekaligus untuk memastikan projek yang dilaksanakan tidak lagi tergendala.

Garis Panduan ini juga adalah salah satu inisiatif untuk menambahbaik dan menyeragamkan pelaksanaan projek-projek di bawah seliaan JKR Sabah terutamanya dalam pengurusan pengalihan utiliti SESB dan pengambilan tanah yang menjadi salah satu punca kelewatan projek. Oleh itu, langkah – langkah penambahbaikan perlu diambil tindakan agar projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

2.0 Objektif

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan pengalihan utiliti SESB dapat dijalankan dengan efektif dan bersistematik. Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memusatkan dan menyeragamkan pelaporan berkaitan proses pengalihan utiliti SESB untuk mengelakkan kelewatan projek JKR Sabah.

3.0 Peranan Cawangan Utiliti & Alam Sekitar

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah telah mengambil satu inisiatif dengan mewujudkan Cawangan Utiliti dan Alam Sekitar (CUAS) sebagai urusetia/penyelaras bagi proses pengalihan utiliti SESB untuk menambahbaik pengurusan projek JKR Sabah. Antara peranan CUAS adalah seperti yang berikut:

- a) Mengemaskini rekod projek JKR Sabah yang mempunyai masalah pengalihan utiliti SESB.
- b) Memastikan pelaksanaan projek JKR Sabah yang mempunyai keperluan kerja-kerja pengalihan utiliti SESB menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan.
- c) Memastikan maklumat-maklumat pengalihan utiliti SESB seperti *Layout Plan*, bilangan Utiliti SESB yang terlibat dan lain-lain adalah lengkap untuk mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaan projek.
- d) Menyelaraskan pengurusan proses pengalihan utiliti SESB dengan mengadakan mesyuarat koordinasi bersama pihak SESB untuk mengemaskini status kerja-kerja pengalihan utiliti bagi projek JKR Sabah.

4.0 Peranan Superintendent Representative (SOR)

- a) Mengisi borang pendaftaran projek (Borang JKRS/UTILITI-SESB/01/2024) dengan lengkap sekiranya terdapat sebarang projek yang melibatkan pengalihan utiliti SESB.
- b) Memastikan data-data yang dikemukakan di dalam borang tersebut adalah benar dan tepat.
- c) Menyelesaikan isu-isu melibatkan pengalihan utiliti SESB di peringkat JKR Sabah.
- d) Memaklumkan pihak Cawangan Utiliti & Alam Sekitar (CUAS) sekiranya terdapat sebarang pengemaskinian data mengenai pengalihan utiliti SESB.
- e) Menghadiri mesyuarat susulan melalui mesyuarat koordinasi pengalihan utiliti SESB di peringkat JKR Sabah untuk membincangkan penyelesaian.
- f) Memastikan pengurusan pengalihan utiliti SESB mengikuti Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 (GP RMKe-11) dan Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan

Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan RMKe-12.

5.0 Peranan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)

- a) Memberi data yang tepat kepada SOR/JB/JD berkenaan utiliti yang terlibat di dalam sesuatu projek.
- b) Memaklumkan jadual masa pengalihan utiliti SESB kepada SOR/JB/JD.
- g) Menghadiri mesyuarat susulan melalui mesyuarat koordinasi pengalihan utiliti SESB di peringkat JKR Sabah untuk membincangkan penyelesaian.
- c) Mengambil tindakan selanjutnya mengenai pengalihan utiliti SESB daripada mesyuarat koordinasi tersebut.
- d) Memastikan pengurusan pengalihan utiliti SESB mengikuti Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 (GP RMKe-11) dan Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan RMKe-12.

6.0 Perundangan dan Dokumen Berkaitan Pengalihan Utiliti SESB

I. Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 (GP RMKe-11)

Skop yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini adalah kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula semua jenis utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan program dan projek Kerajaan yang terletak dalam kawasan rizab Persekutuan dan Negeri seperti rizab jalan, sungai, terusan, landasan keretapi, rizab jalan Pihak Berkuasa Tempatan dan tanah persendirian termasuk kawasan izin lalu (wayleave).

Kemudahan utiliti dalam rizab Persekutuan dan Negeri merangkumi utiliti-utiliti di bawah tanah/di permukaan tanah seperti berikut:

- (i) tiang, kabel dan sistem elektrik;

- (ii) tiang, kabel dan sistem telekomunikasi;
- (iii) saluran gas;
- (iv) sistem pengagihan air; dan
- (v) sistem pembetulan.

II. Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan RMKe-12

Skop yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini melibatkan kerja-kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula bagi semua jenis aset utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan program dan projek kerajaan di bawah RMKe-12 (baharu dan sambungan) yang terletak di dalam kawasan tanah milik atau rizab kerajaan.

Semua aset utiliti yang merangkumi struktur dan jaringan utiliti yang dimiliki oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk syarikat kerajaan negeri, swasta dan individu bagi tujuan komersil atau kegunaan persendirian, sama ada di bawah atau di atas permukaan tanah adalah termasuk di dalam skop pematuhan garis panduan ini. Aset utiliti yang terlibat seperti berikut:

- (i) Sistem bekalan tenaga elektrik;
- (ii) Sistem rangkaian telekomunikasi;
- (iii) Sistem saluran bekalan gas, cecair atau kimia;
- (iv) Sistem saluran air mentah;
- (v) Sistem bekalan air;
- (vi) Sistem pembetulan;
- (vii) Sistem pengawasan keselamatan CCTV; dan
- (viii) Sistem pemantauan keselamatan jalan raya.

III. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Seksyen 84 - Kuasa mengalihkan struktur daripada jalan

- 84.(1) Jika apa-apa struktur telah didirikan atau ditegakkan pada atau di atas sesuatu jalan atau pada atau di atas sesuatu jalan rizab,

selain menurut mana-mana undang-undang bertulis, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (yang kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut “Menteri”) berhubung dengan suatu jalan Persekutuan atau mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan mana-mana jalan atau jalan rizab lain dalam kawasan pihak berkuasa itu boleh melalui notis bertulis menghendaki orang yang berkuasa mengawal atau memiliki struktur itu supaya mengalihkannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam sesuatu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengeluarkan notis itu.

Seksyen 85 - Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada

85.(1) Tiada seorang yang boleh—

- (c) menjalankan apa-apa jenis kerja daripada apa-apa perihal dalam, pada, di atas atau di bawah apa-apa jalan, melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur berkenaan dengannya (termasuk butir-butir yang boleh ditetapkan) telah diserahkan dan diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubung dengan jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa yang berkenaan yang berkaitan dengan jalan selain jalan Persekutuan, dan Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menolak permohonan tersebut atau membenarkannya di atas syarat yang dikenakan olehnya atau pihak berkuasa itu.

IV. Prosedur Permohonan Izinlalu Agensi Utiliti Kepada JKR Sabah 2019 (Jalan Negeri)

Berdasarkan Akta Perwakilan Kuasa 1956 Di Bawah Seksyen 85, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada), kuasa melulus telah ditetapkan di bawah kuasa Jurutera Daerah dan prosedur Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah.

Subseksyen 1.2 - Permohonan izinlalu di rizab jalan yang dalam perancangan naik taraf jalanraya

- 1.2.1 Permohonan izinlalu boleh dipertimbangkan oleh Jurutera Daerah JKR Sabah setelah mendapat khidmat nasihat daripada pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan projek naik taraf jalan yang berkaitan.
- 1.2.2 Agensi utiliti yang mengemukakan permohonan dikehendaki mengemukakan surat jaminan yang menyatakan persetujuan untuk mengalihkan infrastruktur utiliti berkaitan dengan segera apabila diperlukan/diarahkan dan setuju menanggung semua kos yang terlibat dengan pengalihan infrastruktur utiliti dalam permohonan terbabit kepada Jurutera Daerah JKR Sabah terlebih dahulu sebelum permohonan dipertimbangkan.

V. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)

Seksyen 11 – Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud pembinaan

- 11.(1) Menyatakan bahawa bilamana perlu memasang apa – apa system pengagihan elektrik di bawah Akta ini, pemegang lesen boleh meletakkan, menempatkan atau membawa di atas, di bawah atau melewati mana- mana tanah, selain tanah Negeri, apa-apa tiang dan kelengkapan lain yang perlu atau wajar bagi maksud pemasangan berlesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu untuk menjadikan pemasangan itu selamat dan cekap. Pemegang lesen hendaklah membayar pampasan penuh mengikut seksyen 16 kepada semua orang yang berkepentingan kerana apa-apa

gangguan, kerosakan atau ketidakupayaan yang mungkin disebabkan olehnya dan pampasan itu boleh termasuk bayaran tahunan bagi tanah yang digunakan bagi maksud tiang atau kelengkapan lain itu.

Seksyen 14 – Pengalihan atau pengubahpindaan talian bekalan, dsb.

- 14.(1) Jika talian bekalan telah diletakkan, atau tiang atau kelengkapan didirikan, di atas mana-mana tanah di bawah seksyen 11, dan jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 11(3) berhasrat untuk menggunakan tanah itu mengikut cara yang menjadikannya perlu atau wajar supaya talian, tiang atau kelengkapan itu dialihkan ke bahagian lain tanah itu, atau ke tanah yang arasnya adalah lebih tinggi atau lebih rendah, atau diubah pinda bentuknya, dia boleh menghendaki pemegang lesen mengalihkan atau mengubah pinda talian, tiang atau kelengkapan itu dengan sewajarnya.
- 14.(3) Bilamana Pihak Berkuasa Negeri telah membuat suatu perintah bagi pengalihan atau pengubahpindaan mana-mana talian bekalan utama, pemegang lesen boleh, daripada mengalihkan atau mengubah pinda talian bekalan itu, memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengarahkan pengambilan tanah sedemikian sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud talian itu, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengarahkan pengambilan itu dengan sewajarnya

IV. Arahan Teknik Jalan 8/86 (Pindaan 2015): A Guide On Geometric Design Of Roads

Section 6.0 - Other Elements Affecting Geometric Design

All road improvements, whether upgraded within the existing Right of Way or entirely on new Right of Way, generally involves the shifting of utility facilities. Although utilities generally have little effect on the geometric design of the road, full consideration should be given to

measures necessary to preserve and protect the integrity and visual quality of the road, its maintenance efficiency and the safety of traffic. Utilities relocation should form part of design works and the designer should liaise closely with the relevant Service Authorities in determining the existing utilities and their proposed relocation. Depending on the location of a project, the utilities involved could include Sewer Pipelines, Water Supply Pipelines, Drainage and Irrigation Lines, Oil and Gas Pipelines, Telecommunication Lines and Electric Cables. Reference should be made to latest edition of ATJ 4/85 (Pind. 1997) Installation of Public Utility in Road Reserve and ATJ 3/2011 - Garis Panduan Memproses Permohonan Pembangunan Tepi Jalan Persekutuan.

V. REAM-GL 4/2002 - Guideline for Works Related to Public Utility Installations within the Road Reserve

Part 1, Section 4

Inter relationship among type of work, work initiator and controlling authority is summarized in the table below:

CATEGORY	TYPE OF WORK	WORK INITIATOR	CONTROLLING AUTHORITY	
			FOR ROAD	FOR UTILITY
I (a)	Relocation of existing utility installation	Road authority	<i>Not applicable</i>	Utility owner
I (b)		Road contractor	Road authority	Utility owner
I (c)		Developer	Road authority	Utility owner
I (d)		Utility owner	Road authority	<i>Not applicable</i>
II	Upgrading or expansion of utility service	Utility owner	Road authority	<i>Not applicable</i>
III(a)	Routine maintenance of existing utility installation	Utility owner	Road authority	<i>Not applicable</i>
III(b)	Emergency repair	Utility owner	Road authority	<i>Not applicable</i>

Part 1, Section 8 – Procedures

Which details the procedures from the *Engineering Design* stage (Sub - section 8.1), to the *Submission and Approval* stage (Sub – section 8.2), and *Work Execution* stage (Sub – section 8.3), requiring **Borang 1 – 6** to be filled and completed by responsible parties as stated.

7.0 Status Permohonan Izinlalu

Pihak SESB haruslah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan izinlalu sepertimana yang telah terkandung dalam Prosedur Permohonan Izinlalu Agensi Utiliti Kepada JKR Sabah, Tahun 2019 (Jalan Negeri) dan mematuhi segala syarat-syarat am, tatacara kerja pembinaan dan lain-lain yang disediakan.

8.0 Prosedur Pendaftaran Projek bagi Pemantauan Pengalihan Utiliti SESB

Semua projek di bawah seliaan JKR Sabah yang mempunyai keperluan untuk mengalih utiliti SESB perlu didaftarkan di Cawangan Utiliti & Alam Sekitar (CUAS) oleh Pemilik Projek (cawangan relevan yang mengendalikan keseluruhan projek). Pemilik Projek perlu mengemukakan Borang **JKRS/UTILITI-SESB/01/2024** seperti yang dilampirkan di **Lampiran B** dan seterusnya akan disemak oleh CUAS. Selanjutnya, jika borang tersebut telah lengkap, CUAS akan merujuk kepada pihak SESB untuk menangani masalah yang dihadapi.

CUAS juga akan menyelaraskan mesyuarat koordinasi secara berkala yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR Sabah dan dihadiri bersama dengan Pemilik Projek, SOR, SESB dan Kontraktor Utama (KU) untuk mengemaskini dan memantau status kerja-kerja pengalihan utiliti. Carta alir proses pendaftaran projek ke CUAS boleh dirujuk di **Lampiran A**.

9.0 Lokasi dan Susun Atur Aset Utiliti

- a) Pihak SESB hendaklah membuat penyelarasan di tapak bersama KU dan SOR bertujuan built lokasi untuk memastikan kesesuaian tapak bagi pemasangan semula dan susun atur semua aset utiliti yang terlibat bagi mengelakkan percanggahan di antara pihak yang terlibat.
- b) Kedudukan lokasi bagi pemasangan semula dan susun atur aset utiliti hendaklah mengikut Arahan Teknik Jalan (ATJ) 8/86 (Pindaan 2015)-A Guide on *Geometric Design of Roads* atau mana-mana ATJ/Garis Panduan yang berkaitan dan masih digunakan.
- c) Pelan keratan rentas tipikal kedudukan lokasi aset utiliti adalah seperti di dalam **Lampiran C**.

10.0 Penutup

Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat adalah penting untuk memastikan semua aktiviti pengalihan utiliti SESB bagi projek – projek JKR Sabah, dirancang dan dilaksanakan mengikut perundangan, garis panduan dan prosedur. JKR Sabah berharap Garis Panduan ini dapat menerang dan

menyeragamkan cara pelaksanaan proses tersebut bagi projek JKR Sabah.


11.0 Rujukan

- Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 (GP RMKe-11)
- Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan RMKe-12
- Procedur permohonan izin lalu lintas agensi utiliti kepada JKR Sabah, Tahun 2019
- Arahan Teknik Jalan (ATJ) 8/86 (Pindaan 2015)-A
- Arahan Teknik (Jalan) 4/85 Pind. 1997 : *Application For The Installation of Public Utility Services within Road Reserve*
- Akta pengangkutan jalan 1987
- REAM-GL 4/2002
- *Electricity Supply Act 1990*

Lampiran A

Carta Alir Proses Pemindahan Utiliti SESB

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN MASALAH PENGALIHAN UTILITI SESB
CAWANGAN UTILITI & ALAM SEKITAR (CUAS)
JABATAN KERJA RAYA (JKR) SABAH



Lampiran B

Borang Pendaftaran Projek Bagi Pemantauan Pengalihan Utiliti SESB

BORANG PENDAFTARAN PROJEK

**PEMANTAUAN PENGALIHAN UTILITI (SESB) BAGI PROJEK – PROJEK DIBAWAH
SELIAAN JABATAN KERJA RAYA (JKR) SABAH**


Borang Pendaftaran Projek: Pemantauan Pengalihan Utiliti (SESB) bagi Projek - Projek Dibawah Seliaan JKR Sabah boleh didapati melalui pautan berikut:



<https://tinyurl.com/borang-koordinasi-utiliti>

Lampiran C

Keratan Rentas Biasa Menunjukkan
Contoh Jarak & Susunan Utiliti
Dalam Rizab Perkhidmatan Utiliti
(Tidak Mengikut Skala)



Typical cross section showing an example of spacing & arrangement of utilities in utility services reserve (not to scale)

Notes: Actual spacing to refer to relevant utility agency

Sumber: Arahan Teknik Jalan (ATJ) 8/86 (Pindaan 2015)-A